



Kementerian Kesihatan
Malaysia

POLISI

PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**MS ISO 37001: 2016
Anti-Bribery Management System**

Tahun 2019

Unit Integriti Kementerian Kesihatan Malaysia

Perutusan

Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia



Salam Sejahtera,

Sebagaimana umum sedia maklum, sejak dahulu lagi budaya penggunaan pengaruh luar dan pemberian surat sokongan untuk kepentingan peribadi telah sinonim dengan perkhidmatan awam. Sekiranya budaya ini tidak dikekang atau dibendung, natijahnya akan mewujudkan elemen kronisme dan nepotisme dalam proses perancangan dan pelaksanaan dasar serta pembuatan keputusan.

Sehubungan itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membangunkan **Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan** dalam memastikan warga KKM mendahulukan kepentingan awam berbanding dengan kepentingan peribadi.

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) Siri 2 Bil. 2 Tahun 2018 pada 9 Julai 2018 memutuskan bahawa pengaruh luar dan surat sokongan bukan arahan muktamad atau kelulusan kepada sebarang permohonan sebaliknya keputusan sebenar bergantung kepada kekuatan organisasi dalam membuat penilaian berdasarkan merit dan sistem governans yang berkuatkuasa.

Oleh yang demikian, saya ingin menekankan agar Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan tiada lagi pengaruh luar dan surat sokongan diterima sebagai arahan atau keputusan dan seterusnya mematuhi tatacara pengurusan di bawah Polisi ini.

Sekian, Terima kasih.


DATU' SERI DR. CHEN CHAW MIN
17 April 2019

KANDUNGAN

1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Pemakaian	1
4.	Takrifan	2
5.	Pernyataan Dasar	3
6.	Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	4
7.	Pengaruh Luar dan Surat Sokongan oleh Anggota Pentadbiran dan Pemimpin Kerajaan	4
8.	Pematuhan	5
9.	Pertanyaan dan Pelaporan	5
10.	Penutup	6
11.	Rujukan	7
12.	Penghargaan	8

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Amalan menggunakan pengaruh luar dan memberi / menerima surat sokongan bagi maksud kepentingan peribadi telah menjadi budaya dalam masyarakat malah ianya amat sukar dibendung tanpa kawalan. Keadaan ini telah meletakkan penjawat awam dalam keadaan yang serba salah di dalam membuat pertimbangan dan keputusan berkaitan dengan urusan Kerajaan. Amalan ini boleh menjurus ke arah penyalahgunaan kuasa yang boleh menjejaskan imej dan integriti perkhidmatan awam.
- 1.2 Sehubungan itu, **Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan** diwujudkan agar penyampaian perkhidmatan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dapat dilaksanakan dengan telus dan profesional tanpa campur tangan daripada pihak-pihak yang berkepentingan.

2. TUJUAN

Polisi ini diwujudkan bertujuan untuk menjadi rujukan warga KKM mengenai tatacara pengurusan pengaruh luar dan surat sokongan.

3. PEMAKAIAN

Polisi ini terpakai ke atas semua warga KKM. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh, rakan niaga / pemegang taruh ataupun mana-mana individu / organisasi yang berurusan dengan warga / fasiliti KKM.

4. TAKRIFAN

Pengaruh luar

Apa-apa bentuk tekanan / desakan sama ada secara lisan, bukan lisan atau apa-apa bentuk yang lain daripada Pemimpin Kerajaan atau Individu Berpengaruh ke atas warga KKM yang bertujuan untuk menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.

Surat sokongan

Apa-apa komunikasi yang disampaikan sama ada secara lisan atau bukan lisan termasuk dalam bentuk surat, memo, minit, emel, khidmat pesanan ringkas, percakapan mulut, panggilan telefon atau bentuk-bentuk lain yang bertujuan menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan.

Pemimpin Kerajaan

Merujuk kepada tafsiran “Anggota Pentadbiran” di bawah Fasal (2), Perkara 160, Perlembagaan Persekutuan, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Individu Berpengaruh

Individu yang mempunyai kedudukan dalam Kerajaan atau hubungan dengan pihak-pihak berkuasa, orang kenamaan, ahli-ahli politik dan lain-lain.

Warga KKM

Pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di KKM sama ada melalui lantikan tetap, sementara, sangkut, pinjaman, kontrak atau sambilan termasuk lantikan politik.

Warga KKM juga termasuk ahli lembaga pengarah badan berkanun atau syarikat di bawah KKM.

Pihak ketiga

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan dengan KKM.

Urusan kerajaan

Apa-apa urusan Kerajaan seperti perolehan, pengurusan sumber manusia, permohonan kelulusan lesen / permit, pinjaman, biasiswa dan lain-lain hal berkaitan dengan KKM.

5. PERNYATAAN DASAR

5.1 KKM sentiasa bersedia memberi komitmen sepenuhnya untuk memastikan integriti, tadbir urus baik dan ketelusan menjadi tunjang dalam penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

5.2 Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, semua warga KKM adalah **dilarang** untuk:

- i. **membawa** atau **cuba membawa** pengaruh luar atau **mengemukakan** apa-apa surat sokongan daripada mana-mana Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan; dan

- ii. **menggunakan** pengaruh luar atau surat sokongan sebagai **asas pertimbangan** atau **arahan** daripada Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh dalam membuat keputusan.

6. PENGURUSAN PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN

6.1 Dalam menguruskan pengaruh luar dan surat sokongan, warga KKM hendaklah mengambil tindakan seperti berikut:

- i. sekiranya sokongan diterima secara **bertulis**, hendaklah **memfailkan** dalam fail berkaitan; atau
- ii. sekiranya sokongan diterima secara **lisan**, hendaklah **mencatatkan komunikasi** tersebut secara bertulis berserta maklumat pihak yang memberi sokongan dan bentuk sokongan dalam helaian minit fail yang berkaitan; maka
- iii. hendaklah dengan segera **melaporkan secara bertulis** sokongan yang diterima kepada **Ketua Jabatan atau Unit Integriti KKM** untuk arahan atau tindakan lanjut; atau
- iv. sekiranya **atas apa-apa sebab tertentu atau tidak praktikal** untuk melaporkan kepada Ketua Jabatan, hendaklah **melaporkan kepada agensi Kerajaan** yang berkaitan untuk tindakan lanjut.

7. PENGARUH LUAR DAN SURAT SOKONGAN OLEH ANGGOTA PENTADBIRAN DAN PEMIMPIN KERAJAAN

7.1 Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen yang dikeluarkan pada Disember 2018 menetapkan bahawa Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen **hendaklah memastikan tidak berlaku percanggahan kepentingan** antara jawatan awamnya dan kepentingan peribadinya. Percanggahan kepentingan boleh berlaku akibat pengaruh dan kuasa yang ada pada Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen selaku Kerajaan.

- 7.2 Sehubungan itu, Anggota Pentadbiran dan Pemimpin Kerajaan **hendaklah mengelakkan daripada menggunakan jawatan** untuk mengenakan apa-apa tekanan ataupun mengeluarkan apa-apa surat sokongan bagi maksud menyokong apa-apa permohonan atau tuntutan kepada warga KKM.

8. PEMATUHAN

- 8.1 Kegagalan atau keengganan warga KKM mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 atau Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605).
- 8.2 Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga akan dimaklumkan kepada Perbendaharaan Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau mana-mana Badan Pengawal berkaitan untuk tindakan.

9. PERTANYAAN DAN PELAPORAN

Sebarang pertanyaan atau pelaporan pelanggaran terhadap Polisi ini boleh dikemukakan melalui saluran berikut:

**Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya
(u.p: Ketua Unit Integriti)
Emel: integriti@moh.gov.my**

10. PENUTUP

Pelaksanaan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan ini sebagai dukungan kepada pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional 2019 – 2023 bagi memperkukuhkan nilai akauntabiliti dan integriti di samping menangani campur tangan Pemimpin Kerajaan serta Individu Berpengaruh dalam membuat penilaian dan keputusan.

RUJUKAN

1. Perlembagaan Persekutuan
2. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
3. Peraturan-Peraturan Penjawat Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993
4. Kod Etika Bagi Anggota Pentadbiran Dan Ahli Parlimen, Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada Disember 2018
5. Garis Panduan Tindakan Ke Atas Sokongan Yang Diterima Daripada Pemimpin Kerajaan, Individu Berpengaruh atau Mana-mana Orang Mengenai Sesuatu Urusan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 8 Mac 2010
6. Surat Edaran Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia bertarikh 18 Jun 2014 – Peringatan Larangan Berkenaan Pengaruh Luar dan Garis Panduan Surat Sokongan di Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih dan tahniah dirakamkan kepada **Jawatankuasa Pembangunan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar Dan Surat Sokongan Kementerian Kesihatan Malaysia** atas sumbangan idea dan cetusan minda seperti berikut:

1. Encik Nazli Rasyid bin Hj. Sulong
Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya
2. Encik Muniswaran a/l Gunasegaran
Ketua Penolong Setiausaha Kanan
3. Puan Nur Aiena binti Othman
Ketua Penolong Setiausaha
4. Dr. Yusaini bin Yusoff
Ketua Penolong Setiausaha
5. Puan Aida Rahila binti Rusmahini
Ketua Penolong Setiausaha
6. Encik Mohammad Zawawi bin Hussin
Penolong Pesuruhjaya
7. Puan Asmida binti Md Saad
Penolong Setiausaha Kanan
8. Puan Nurulain binti Mohd Taib
Penolong Setiausaha

Penghargaan juga dirakamkan kepada warga Unit Integriti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan Polisi ini.

*Ikan Keli Si Ikan Gelama,
Gulai Kari Bersama Bendi,
Budi Kami Secebis Cuma,
Menjadi Memori Kekal Abadi.*

**Unit Integriti
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 5, Blok E3, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W.P PUTRAJAYA**

 : integriti@moh.gov.my

 : **Unit Integriti KKM**